

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
( BAGAN DATUK )**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI [ BAGAN DATUK ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kondusif yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menurunkan kadar kes jenayah di Malaysia terutamanya jenayah yang melibatkan warganegara asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan statistik jenayah indeks seluruh negara bagi tempoh Januari 2016 hingga Ogos 2019, terdapat 42,451 kes jenayah yang melibatkan warga asing. Daripada jumlah tersebut, kes jenayah yang paling banyak melibatkan warga asing ialah kes curi iaitu sebanyak 12,647 kes, diikuti dengan kes pecah rumah dan curi sebanyak 11,862 kes dan kes curi motosikal sebanyak 4,822 kes.

Kerajaan sedar langkah pencegahan yang berkesan diperlukan untuk membendung gejala ini. Selain tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan selama ini, kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah pencegahan bagi memastikan penglibatan warga asing dalam kegiatan jenayah dapat dikurangkan dan seterusnya dibanteras sepenuhnya. Antara langkah-langkah pencegahan tersebut ialah:

- a) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasa-kawasan tumpuan ramai dari masa ke semasa kerana kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan ini secara tidak langsung bertindak sebagai *deterrent* daripada berlakunya kejadian jenayah;
- b) memperketatkan kawalan di pintu-pintu masuk di seluruh negara terutamanya dari segi saringan ke atas pelawat bagi memastikan pelawat yang masuk ke negara ini tidak memberikan risiko keselamatan kepada negara termasuklah dari segi jenayah;
- c) meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa negara asing dari segi perkongsian maklumat risikan dan maklumat mengenai orang yang dikehendaki (*wanted person*);
- d) meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan lain di seluruh negara menerusi pemantauan, perkongsian maklumat dan operasi bersama;

- e) mengadakan rondaan, pemeriksaan dan pemantauan berkala ke tempat-tempat yang menjadi tumpuan warga asing, termasuklah penempatan pekerja-pekerja asing di seluruh negara.
- f) mengadakan kempen dan program khusus untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kejadian jenayah dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh orang awam untuk mencegah kejadian jenayah serta mengelakkan diri mereka daripada menjadi mangsa jenayah.

Usaha berterusan pihak polis telah memberikan kesan yang positif di mana statistik jenayah indeks secara keseluruhan yang melibatkan warga asing telah menunjukkan penurunan iaitu dari 13,110 kes pada tahun 2016 kepada 11,441 kes pada tahun 2017 dan seterusnya 10,751 kes pada tahun 2018.

Selain PDRM, pihak Jabatan Imigresen Malaysia turut dilibatkan dalam aktiviti penguatkuasaan untuk membuat pemeriksaan ke atas warga asing dari segi dokumen perjalanan, pas dan permit yang berkaitan. Isu kebanjiran warga asing terutamanya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), jika tidak ditangani dengan tuntas boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi mahupun politik negara.

Sebanyak 47,457 operasi telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan tangkapan seramai 143,929 orang PATI dan 3,940 orang majikan pada tahun 2017 hingga 21 November 2019.

Selain itu, bagi mengurangkan jumlah PATI di dalam negara, Kerajaan telah melaksanakan program PATI pulang ke negara asal atau program '*Back For Good*' (B4G). Program ini merupakan inisiatif yang terkandung dalam strategi perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan berada di Malaysia tanpa pas yang sah untuk pulang ke negara asal secara sukarela.

Program B4G ini dilaksanakan bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 di Semenanjung Malaysia sahaja yang melibatkan bayaran kompaun sebanyak RM700. Mulai tarikh pelaksanaan dari 1

Ogos 2019 sehingga 17 November 2019, seramai 104,276 orang PATI telah berdaftar dengan JIM untuk program tersebut dengan kutipan kompaun sebanyak RM72,993,200.

Pada masa ini KDN juga sedang dalam usaha untuk menghasilkan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang lebih komprehensif dan menyeluruh sebagai satu langkah memperkukuh tadbir urus dan menambahbaik sistem kerja penguatkuasaan sedia ada.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik di antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendayaupaya agensi penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- i. **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara;
- ii. **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- iii. **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- iv. **Strategi Pengurusan Warga Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan warga asing; dan

- v. **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Statistik Jenayah Indeks yang melibatkan warga asing bagi tahun 2016 sehingga Ogos 2019 adalah seperti berikut:-

	KESALAHAN	TAHUN 2016	TAHUN 2017	TAHUN 2018	TAHUN 2019 (JAN - OGOS)	JUMLAH
<b>JENAYAH KEKERASAN</b>						
1	BUNUH	483	461	293	253	1490
2	ROGOL	182	189	148	123	642
3	SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	125	114	105	70	414
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	1,570	1114	879	565	4128
5	SAMUN BERSENJATA API	41	14	23	24	102
6	SAMUN TANPA SENJATA API	355	309	290	208	1162
7	MENCEDERAKAN	931	911	906	532	3280
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,687</b>	<b>3,112</b>	<b>2,644</b>	<b>1,775</b>	<b>11218</b>
<b>JENAYAH HARTA BENDA</b>						
8	CURI	3,216	3,298	3,641	2,492	12647
9	CURI MOTOKAR	448	323	195	155	1121
10	CURI MOTOSIKAL	1,668	1,593	929	632	4822
11	CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	65	65	123	39	292
12	CURI RAGUT	282	87	84	36	489
13	PECAH RUMAH DAN CURI	3,744	2,963	3,165	1,990	11862
	<b>JUMLAH</b>	<b>9,423</b>	<b>8,329</b>	<b>8,137</b>	<b>5,344</b>	<b>31233</b>
<b>JUMLAH KES</b>		<b>13,110</b>	<b>11,441</b>	<b>10,781</b>	<b>7,119</b>	<b>42451</b>